

# TAKLIMAT SEBUT HARGA

## PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN TAKAFUL HAYAT BERKELOMPOK UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

(SEBUT HARGA BIL : PPj/SH(S)/JW/21/2021)

- ✓ Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan
- ✓ Di bawah Kod Bidang 221801 (Syarikat Insurans) dan mempunyai lesen Takaful Keluarga.

## **TAKLIMAT**

- ✓ Kehadiran Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **27 April 2021 (Selasa)** hingga **30 April 2021 (Jumaat)** dengan bayaran secara tunai sebanyak **RM 50.00** di **Aras 1, Bahagian Perolehan dan Ukur Bahan, Jabatan Kewangan, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya.**

## SKOP KERJA

1. Tawaran ini adalah untuk perlantikan Syarikat Takaful yang menawarkan perkhidmatan perlindungan takaful hayat untuk Perbadanan Putrajaya bagi tempoh 1 tahun (2021 – 2022)
2. Terbahagi kepada polisi perlindungan takaful hayat berkelompok
3. Syarikat Takaful yang berjaya dilantik dikehendaki berurusan dengan Pihak Broker yang dilantik oleh Perbadanan Putrajaya iaitu Sime Darby Lockton Insurance Broker Sdn. Bhd.
4. Syarikat Takaful yang berjaya dilantik dikehendaki memberikan perkhidmatan perlindungan takaful sebagaimana yang dinyatakan pada *broking slips* dan hendaklah mengemukakan setiap kelas polisi yang telah diperolehi kepada PPj dengan kadar segera.
5. Pembayaran bagi perlindungan takaful tersebut hanya akan dibuat setelah Perbadanan Putrajaya menerima Nota Debit daripada Syarikat Takaful.
6. Syarikat Takaful bertanggungjawab mengurus tuntutan dan menjelaskan bayaran kepada PPj dalam tempoh 30 hari kalendar dari tarikh dokumen lengkap diterima.

# TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL

**27 April 2021 (SELASA)**

**Hingga**

**30 April 2021 (JUMAAT)**

# TARIKH & WAKTU TUTUP SEBUT HARGA

Sebut harga akan ditutup pada :

**04 MEI 2021 (SELASA),  
12.00 Tengahari**

Dokumen sebut harga yang dilengkapkan dengan sempurna dan dimasukkan ke dalam *Sampul Surat Berlakri* serta bertanda dengan *nombor sebut harga* dan *tajuk sebut harga*, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga yang dikhaskan di :

**Bahagian Perolehan & Ukur Bahan,  
Jabatan Kewangan,  
Aras 1, Blok C, Perbadanan Putrajaya,  
24, Persiaran Perdana, Presint 3,  
62675 Putrajaya**



---

**SEKIAN  
TERIMA  
KASIH**

